

# PVP IODINE SOLUTION

Providone-Iodine (10% w/v)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PVP Iodine Solution
2. Bagaimana PVP Iodine Solution berfungsi
3. Sebelum menggunakan PVP Iodine Solution
4. Cara menggunakan PVP Iodine Solution
5. Semasa menggunakan PVP Iodine Solution
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PVP Iodine Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan PVP Iodine Solution

Digunakan sebagai disinfektan dan antisептик untuk rawatan luka kulit, cular dan luka bakar yang tidak bersih dan juga untuk penyediaan sebelum pembedahan kulit dan membran mukus..

## Bagaimana PVP Iodine Solution berfungsi

Berfungsi dengan menghalang pertumbuhan mikrob yang membawa penyakit serta menghapus bakteria.

## Sebelum menggunakan PVP Iodine Solution

### - Bila tidak boleh menggunakan

Mengandung dan menyusukan anak  
Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan PVP Iodine Solution.

### - Sebelum mula menggunakan PVP Iodine Solution

Beritahu doktor jika anda sedang menjalani ujian fungsi tiroid atau alergik kepada povidone iodine atau lain-lain kandungan produk ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan PVP Iodine Solution

- Berapa banyak harus digunakan  
Bersihkan kawasan yang terjejas dan sapukan cecair menggunakan kapas dengan lembut dan menyeluruh.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu digunakan  
Teruskan penggunaan PVP Iodine Solution untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan  
Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)  
Penyerapan berlebihan boleh berlaku disebabkan oleh penggunaan pada kawasan yang luas pada luka atau kulit terbuka. Simptom-simptom terlebih dos boleh termasuk
  - Rasa logam dalam mulut
  - Peningkatan air liur
  - Pedih atau sakit dan keradangan pada membran mukus dalam hidung
  - Bengkak dan keradangan pada tekak juga berlaku
  - Iritasi dan bengkak mata
  - Pengumpulan bendalir dalam paru-paru boleh berlaku
  - Reaksi kulit termasuk jerawat atau letusan yang teruk.
  - Ketidakselesaan gastro-usus dan cirit-birit juga telah dilaporkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan PVP Iodine Solution

- Perkara yang perlu dilakukan  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan PVP Iodine Solution.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri PVP Iodine Solution kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Perhatian perlu diambil dalam penggunaan Providone-Iodine kepada bayi yang baru lahir.

Apabila digunakan secara luaran, kulit tidak boleh ditutup dengan balutan tertutup.

## Kesan-sesan sampingan

Kesan-sesan sampingan PVP Iodine Solution dianggap mempunyai kurang iritasi daripada Iodine.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan PVP Iodine Solution

- Penyimpanan  
Jauhi ubat daripada kanak-kanak Lindungi dari cahaya  
Simpan di tempat kering di bawah 30°C  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Untuk kegunaan luar sahaja

# PVP IODINE SOLUTION

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Providone-Iodine (10% w/v)

---

## - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Larutan berwarna coklat gelap

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Providone-Iodine

- Bahan-bahan tidak aktif

Dibasic sodium phosphate, PVP K90 &

Deionised Water

### - Nombor MAL

MAL20014040XZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/04/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)090418/00097